

# **SARJANA KEUSAHAWANAN DAN INOVASI**

## **(Mod Kerja Kursus)**

Program ini diperkenalkan untuk menghasilkan graduan daripada pelbagai bidang agar mampu meneroka, mencipta dan mengeksploitasi peluang-peluang usaha niaga baru atau memperbaharui usaha niaga sedia ada. Program ini dibangunkan mengikut konsep “*Triple Helix*” iaitu gabungan kepakaran universiti, industri/usahawan dan agensi sokongan keusahawanan negara yang merupakan platform untuk pelajar bertukar-tukar idea mengenai persekitaran perniagaan, khususnya melibatkan keusahawanan dan inovasi.

### **Matlamat Program**

- a. Merealisasikan hasrat kerajaan bagi melahirkan gunatenaga berilmu pengetahuan, berdaya saing dan berinovasi.
- b. Menyokong arus perubahan Universiti ke arah memperkasakan penyelidikan, pendidikan dan khidmat masyarakat.
- c. Memupuk keserjanaan bidang keusahawanan dan inovasi dalam kalangan pelajar dan ahli akademik.
- d. Melahirkan graduan dan ahli akademik yang memiliki sifat-sifat keusahawanan dan inovatif.

### **Hasil Pembelajaran**

- a. Menunjukkan pengetahuan lanjutan serta kefahaman dalam bidang keusahawanan dan inovasi
- b. Menggunakan pengetahuan dan kefahaman keusahawanan dan inovasi ke arah penyelesaian masalah berkaitan dalam situasi baru dan silang disiplin.
- c. Mengintegrasikan dan mensintesis pengetahuan keusahawanan untuk membentuk, melaksanakan pelan perniagaan dan mengekalkan jaringan.
- d. Mengenalpasti isu dan mencari penyelesaian melalui penyelidikan dengan mengambil kira tanggungjawab sosial dan etika.
- e. Mempamerkan kemahiran dan keupayaan untuk bekerja secara efektif dalam menyempurnakan tugas secara individu dan berkumpulan.
- f. Mengintegrasikan teori dan amalan diperingkat lanjutan pengajian peringkat lanjutan dan pembelajaran sepanjang hayat untuk persediaan alam perniagaan.

## **Syarat Kemasukan**

Syarat kemasukan adalah seperti berikut:

- a. Ijazah Sarjana Muda dengan purata gred kumulatif yang baik dari UKM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- b. Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian atau kelulusan lain yang setara yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- c. Memenuhi syarat –syarat lain yang ditetapkan oleh program atau Fakulti; dan
- d. Pemohon luar negara yang bukan dari negara Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi hendaklah memenuhi keperluan Bahasa Inggeris dengan sekurang-kurangnya skor TOEFL 550 atau IELTS band 6 atau peperiksaan bahasa Inggeris lain yang diperakui Senat UKM.

## **Bentuk Pendaftaran dan Tempoh Pengajian**

3 – 4 semester (Sepenuh masa)

3 – 6 semester (Separuh masa)

*\* Semua kuliah dijalankan pada hari dan waktu bekerja.*

## **Kaedah:**

Kerja Kursus

## **Struktur Program**

Mod Kerja Kursus (40 Unit)

- 11 Kursus Wajib Program (40 unit)

## **Senarai Kursus**

Kerja Kursus (40 unit)

1. EPPK6014 Teori, Proses dan Amalan Keusahawanan
2. EPPK6024 Kewangan dan Perakaunan Keusahawanan
3. EPPK6054 Undang-undang untuk Perniagaan
4. EPPK6113 Pemasaran untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana
5. EPPK6094 Rancangan Perniagaan untuk Enterpris Baru
6. EPPK6083 Pengurusan Kualiti dan Projek Bersepadu
7. EPPK6034 Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan
8. EPPK6043 Pengurusan Sumber Manusia untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana
9. EPPK6103 Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai

10. EPPK6065 Merancang dan Memulakan Perniagaan (Projek Mercu)
11. EPPK6073 Citra Wirausaha

### Syarat Pengurniaan Ijazah

Memenuhi semua kehendak Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015

- a. Mencapai PNGK akhir sekurang-kurangnya 3.00;
- b. Menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program;
- c. Memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- d. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah untuk kelulusan Senat;
- e. Telah memulangkan semua harta benda Universiti;
- f. Telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.

### Rancangan Pengajian

Rancangan pengajian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Semester	Nama Kursus	Komponen	Kredit
1	EPPK6014 Teori, Proses dan Amalan Keusahawanan	Kursus Wajib Program	4
	EPPK6024 Kewangan dan Perakaunan Keusahawanan		4
	EPPK6054 Undang-undang untuk Perniagaan		4
	EPPK6113 Pemasaran untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana		3
	LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa* <b>atau</b> LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara*		Kursus Bahasa Melayu
2	EPPK6034 Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan	Kursus Wajib Program	4
			3

	EPPK6043 Pengurusan Sumber Manusia untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana		3
	EPPK6083 Pengurusan Kualiti dan Projek Bersepadu		4
	EPPK6094 Rancangan Perniagaan untuk Enterprais Baru		14
	EPPK6073 Citra Wirausaha	Kursus Wajib Program	3
	EPPK6103 Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai		3
	EPPK6065 Merancang dan Memulakan Perniagaan (Projek Mercu)		5
			11
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>40</b>

\*Untuk calon luar negara sahaja

#### a. Kursus Bahasa Melayu

Calon luar negara hendaklah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan sebagaimana ditetapkan UKM.

<b>Kumpulan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa</b>	<b>Kod dan Nama Kursus Bahasa Melayu</b>
<b>Luar Nusantara</b> Pelajar dari negara yang bukan penutur natif Bahasa Melayu	LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa
<b>Nusantara</b> Pelajar berasal dari negara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi/utama dan merupakan penutur natif Bahasa Melayu seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Wilayah Melayu di Selatan Thailand.	LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara

## **SINOPSIS**

### **PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN INOVASI**

#### **EPPK6014 Teori, Proses Dan Amalan Keusahawanan**

Kursus ini bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai teori, proses dan amalan keusahawanan. Pelajar akan didedahkan dengan persekitaran dan kepentingan keusahawanan dalam dunia perniagaan hari ini, penjana idea perniagaan, pengenalpastian peluang perniagaan, penyediaan konsep perniagaan, pembiayaan perniagaan, perkembangan dan pertumbuhan perniagaan dan strategi keluar/tuai. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada isu-isu dalam keusahawanan seperti etika keusahawanan, perniagaan keluarga, penilaian dan pembelian perniagaan, perniagaan francais, dan isu-isu perundangan.

#### **Rujukan**

- Kuratko, D. F. (2020). *Entrepreneurship: Theory, process and practice*. Mason, OH: South- Western, Cengage Learning.
- Bamford, C. E. & Bruton, G. D. (2019). *Entrepreneurship: The art, science, and process for success*. McGraw-Hill.
- Hisrich, Robert D., Peters, Michael P. & Shepherd, Dean A. (2020). *Entrepreneurship*. New York: McGraw-Hill.
- Barringer, B. R. & Ireland, R. D. (2019). *Entrepreneurship: Successfully launching new ventures*. 6th edition. Essex: Pearson Education.
- Norman M. Scarborough and Jeffrey R. Cornwall . (2019). *Essentials of entrepreneurship and small business*. London: Pearson Education

#### **EPPK6024 Kewangan Dan Perakaunan Keusahawanan**

Kursus ini menerapkan kemahiran pelajar untuk menggunakan maklumat perakaunan dan kewangan secara komprehensif untuk tujuan pembentukan keputusan dalam pelaburan. Pengetahuan tentang jenis-jenis pembiayaan dalam menjalankan perniagaan secara strategic akan turut disentuh. Antara topik yang diliputi termasuk menganalisis penyata kewangan, perancangan kewangan, nilai masa wang pengurusan modal kerja, strategi pelaburan, pembiayaan, dan penstrukturan perniagaan.

#### **Rujukan**

- J. Christ Leach and Ronald W. Malicher. 2018. *Entrepreneurial Finance*. 4th Edition. Cengage Learning, South-Western. USA.

- Philip J. Adelman and Alan M. Marks. 2015. *Entrepreneurial Finance*, 6th Edition, Prentice Hall. USA.
- Cornwall, J. R., Vang, David. O & Hartman, Jane M. 2019. *Entrepreneurial financial management, an applied approach*. M.E. Sharpe.
- Rogers, Steven. 2020. *Entrepreneurial Finance: Finance and Business Strategies for the Serious Entrepreneur*. Mcgraw Hill, USA.

### **EPPK6034 Inovasi Dan Kreativiti Dalam Perniagaan**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman yang komprehensif kepada pelajar berkenaan kreativiti dan inovasi serta kaedah dan strategi pemikiran kritis dan inovatif dalam perniagaan. Para pelajar diterapkan dengan konsep, teori dan amalan kreativiti dan inovasi dan membincangkan sejauhmana kejayaan amalan kreativiti dan inovasi oleh usahawan lokal dan global. Antara topik yang diliputi ialah pengenalan kepada teori kreativiti dan inovasi; pembentukan organisasi kreatif; sumber-sumber dan teknik melibatkan kreativiti dan inovasi; strategi dan inovasi; inovasi dalam industri perkhidmatan; penjenamaan dan inovasi; dan perlindungan idea kreatif dan inovatif.

#### **Rujukan**

- Karl Ulrich & Steven Eppinger. 2019. *Product design and development*. 7th edition. New York: McGraw-Hill Education.
- Micheal G. Luchs, K. Scott Swan & Abbie Griffin. 2016. *Design thinking: New product development essentials from the PDMA*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Morris, Richard. 2016. *The fundamentals of product design*. New York: Bloomsbury Publishing.
- Scott Hurff. 2016. *Designing products people love: How great designers create successful products*. Sebastopol CA: O'Reilly Media.

### **EPPK6043 Pengurusan Sumber Manusia Untuk Perniagaan Kecil Dan Sederhana**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal berkaitan pengurusan manusia dalam perniagaan kecil dan sederhana. Ia juga melatih pelajar berfikir secara kritis dan global melalui pemahaman dan aplikasi pengetahuan sumber manusia dalam menarik, memotivasi dan mengekalkan bakat dalam organisasi.

#### **Rujukan**

- Noe, R., Hollenbeck, J., Gerhart, B. & Wright, P. (2020). *Fundamentals of Human Resource Management*. 8th Edition. New York, NY: McGraw-Hill Education.

- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun (2020). *Pengurusan sumber manusia mendepani Industri 4.0*. Selangor: Penerbit UKM.
- Dessler, G. (2020). *Human resource management*. 16th Ed. Florida International University: Pearson.
- Noe, R.A., Hollenbeck, J.R., Gerhart, B. & Wright, P.M. (2018). *Human resource management: Gaining a competitive advantage*. 11<sup>th</sup> Ed. Mc Graw Hill Education.
- Lussier, Robert N & Hendon, John R. (2018). *Human resource management: Functions, applications, and skill development*. London: Sage

### **EPPK6054 Undang-Undang Untuk Perniagaan**

Matlamat kursus adalah menghuraikan kepada pelajar berhubung aspek perundangan berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah aplikasi undang-undang berhubung keusahawanan, kontrak, pendaftaran dan penubuhan syarikat, modal perniagaan, kontrak sivil dan Islam, pembentukan lembaga pengarah, Agensi, prinsip ekuiti dan amanah, kemahiran memilih sistem perundangan, penyelesaian pertikaian alternatif, kebertanggungjawaban, perbankan, insurans, jenayah pecah amanah dan harta intelek

### **Rujukan**

- Krishnan Arjunan & Abdul Majid Bin Nabi Baksh. (2020). *Business law in Malaysia*. 3rd Edition. Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia.
- Loganathan Krishan, Parimaladevi Rajoo & Anne Chrisanthani Vergis. (2018). *Principles of Business and Corporate Law*. 3rd Edition. CCH Limited Malaysia. ISBN 9789670853642
- Kenneth Foo Poh Khean & Lee Shih, 2017. *The new dynamics of company law in Malaysia. Companies Act 2016, Current Law Journal*. ISBN 978-967-457-120-7
- Marcus Van Geyzel, 2017. *Law for Startups: What You Need to Know When Starting a Business*. MPH Group Publishing, Malaysia
- Lee Mei Pheng, & Ivan Jeron Detta, 2011. *Business law*. Oxford: Oxford University Press

### **EPPK6065 Merancang Dan Memulakan Perniagaan (Projek Mercu)**

Kursus ini bertujuan untuk membimbing pelajar merancang dan memulakan perniagaan. Di dalam kursus ini, pelajar akan diberikan kemahiran meninjau dan mengenalpasti isu dan cabaran dalam memulakan usahaniaga baru. Sebagai kesinambungan daripada kursus EPPK6094 Rancangan Perniagaan

Untuk Enterpris Baru, kursus ini memerlukan pelajar menyediakan rancangan perniagaan yang komprehensif meliputi aspek struktur organisasi, kewangan, pemasaran, dan pengeluaran. Di akhir kursus, pelajar diwajibkan menjual idea (pitching) di hadapan bakal pelabur, pemberi pinjaman, pemodal teroka, pelabur budiman dan agensi kerajaan.

### **Rujukan**

- Kuratko, D. F. (2020). *Entrepreneurship: Theory, process and practice*. Mason, OH: South- Western, Cengage Learning.
- Bamford, C. E. & Bruton, G. D. (2019). *Entrepreneurship: The art, science, and process for success*. McGraw-Hill.
- Hisrich, Robert D., Peters, Michael P. & Shepherd, Dean A. (2020). *Entrepreneurship*. New York: McGraw-Hill.
- McGowan, Bill & Bowman, Alisa. (2016). *Pitch perfect: How to say it right the first time, every time*. New York: HarperBusiness.
- Perruchet, M. (2016). *One perfect pitch: How to sell your idea, your product, your business--or yourself*, Kindle Edition.

### **EPPK6073 Citra Wirausaha**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan tentang nilai-nilai intrinsik usahawan, sikap prihatin dan kemahiran membina imej profesional. Antara topik yang diliputi termasuk kepentingan mempamerkan imej tanggapan pertama, komunikasi lisan dan bukan lisan, penciptaan kehadiran maya, etiket profesional, keprihatinan terhadap organisasi, masyarakat dan alam sekitar serta kemahiran sosial. Setelah mengikuti kursus ini pelajar mengetahui dan mengamalkan citra seorang usahawan yang berjaya.

### **Rujukan**

- Bixler, S. & Dugan, L. S. 2001. 5 steps to profesional presence: how to project confidence, competence and credibility at work. Adams Media Corporation.
- Mohd Ali Hashim. 2003. Bisnes satu cabang jihad: pembudayaan bisnes untuk survival. Utusan Publication.
- Covey, Stephen R. 2004. The 7 habits of highly effective people. Simon & Schuster UK.
- Darling, D.2003. The networking survival guide: get the success you want by tapping into the people you know. 1st Ed. McGraw-Hill.
- Peters, T. J. & Waterman, R.H. 2004. In search of excellence: lessons from America's best run companies. Harper Paper Backs.



### **EPPK6083 Pengurusan Kualiti Dan Projek Bersepadu**

Kursus ini mengupas mengenai teori dan amalan pengurusan projek serta peranan dan tanggungjawab pengurus projek. Kursus ini menawarkan pendekatan praktikal dalam mengurus projek dengan penekanan kepada mengurus, merancang, mengawal projek dan kitaran hayat projek. Kursus ini merangkumi komponen utama pengurusan projek termasuk projek bersepadu, skop pengurusan projek, penjadualan projek, bajet dan pengurusan kos, pengurusan kualiti, sumber manusia, komunikasi, pengurusan risiko dan juga pengurusan pembekalan.

#### **Rujukan**

Stevenson, W.J (2021), *Operations Management*. 14<sup>th</sup> ed. McGraw Hill: NY  
Slack, N. & Lewis, M. (2020), *Operations strategy*. 6<sup>th</sup> ed. Pearson: UK  
Small, P. (2020), *Lean Project Management*. Independently Published.  
Ingason, H. T. (2020), *Quality Management: A Project Management Perspective*. Routledge: NY  
Project Management Institute Authors (2018), *A guide to the project Management Body of Knowledge (PMBOK Guide)*. 6<sup>th</sup> ed. Project Management Institute.

### **EPPK6094 Rancangan Perniagaan Untuk Enterpris Baru**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep-konsep penting dalam penyediaan Rancangan Perniagaan (RP) kepada pelajar. Kursus ini memberi penekanan kepada kaedah dan teknik penyediaan Rancangan Perniagaan untuk sebuah enterpris baru. Di awal kursus, pelajar akan didedahkan dengan kajian pasaran dan kebolehungkinan untuk menyokong idea perniagaan yang dicadangkan. Seterusnya kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada penulisan rancangan operasi, rancangan pemasaran, dan rancangan kewangan. Di akhir kursus, pelajar perlu membentangkan rancangan perniagaan awal bagi tujuan penilaian.

#### **Rujukan**

Kuratko, Donald F. 2020. *Entrepreneurship (Supplement – Developing on Effective Business Plan)*. Cengage Technology Edition.  
Barringer, B.R. 2017. *Preparing Effective Business Plans*. Pearson International Edition, New Jersey.  
Barringer, B.R. & Ireland, R. D. 2019. *Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures*. Pearson.  
Abrams, H. 2018. *Successful Business Plan: Secrets & Strategies 7th Edition*. Planningshop: CA.

## Modul Penyediaan dan Format Rancangan Perniagaan PUNB, MARA

### **EPPK6103 Pengurusan Rantaian Bekalan Dan Nilai**

Pengurusan Rantaian Bekalan (Supply Chain Management - SCM) adalah satu pendekatan sistem untuk menguruskan aliran keseluruhan maklumat, bahan-bahan, dan perkhidmatan dari pembekal bahan mentah melalui kilang-kilang dan gudang untuk pelanggan akhir. Topik-topik termasuk pendorong pengurusan rantaian bekalan, perolehan, perdagangan elektronik, teknologi maklumat, dan aktiviti-aktiviti logistik. Pengurusan Rantaian Bekalan mewakili falsafah menjalankan perniagaan yang menekankan proses dan integrasi. Kursus ini akan diajar dengan menggunakan bahan-bahan buku teks, bacaan di luar, kerja lapangan, penglibatan industri dan analisis kes.

### **Rujukan**

- Prasetyaningsih, E., Muhamad, C. R., & Amolina, S. (2020, April). Assessing of supply chain performance by adopting Supply Chain Operation Reference (SCOR) model. In IOP Conference Series: Materials Science and Engineering (Vol. 830, No. 3, p. 032083). IOP Publishing.
- Pagano, A and Liotine, M (2019). Technology in Supply Chain Management and Logistics: Current Practice and Future Applications, Elsevier
- Sarkis, J. (2019). Handbook on the Sustainable Supply Chain (Research Handbooks in Business and Management series). Edward Elgar Pub
- Chopra, S (2018). Supply Chain Management: Strategy, Planning, and Operation, 7th Edition, Pearson, England.
- Sarkar, S. (2017). The Supply Chain Revolution: Innovative Sourcing and Logistics for a Fiercely Competitive World, AMACOM.

### **EPPK6113 Pemasaran Untuk Perniagaan Kecil Dan Sederhana**

Kursus ini memberikan pengetahuan lanjutan kepada dunia pemasaran khusus untuk perniagaan kecil dan sederhana. Kursus ini menggarap elemen-elemen pemasaran inovatif dan kreatif dalam penghasilan strategi-strategi pemasaran dan pengkomersilan keluaran dan perkhidmatan khusus bagi perniagaan kecil dan sederhana. Ia membolehkan pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang kuasa-kuasa yang ada dipersekitaran pemasaran dan kepentingan kefahaman tentang kelakuan pengguna dalam pemasaran terutama bagi perniagaan kecil dan sederhana. Pelajar juga akan mendalami cara pihak pemasar bertindak secara kreatif dan inovatif sewaktu memetakan dan mensasarkan pasaran, serta memposisikan produk di kacamata pengguna. Di samping itu, kursus ini

memupuk kefahaman dan keprihatinan pelajar terhadap isu-isu kelestarian dalam pemasaran bagi perniagaan kecil dan sederhana.

### **Rujukan**

Marshall, G., and Johnson M., (2019), Marketing Management, 3<sup>rd</sup> Edition McGrawHill, New York, USA.

Kotler, P.T. and Keller, K.L. (2015), Marketing Management, 15th ed, Prentice Hall

Homburg,C., Kuester, S and Krohmer, H. (2013) Marketing Management: A Contemporary Approach, McGraw-Hill Higher Educations.

Russell, M. A. and Klassen, M. (2018) Mining the Social Web: Data Mining Facebook, Twitter, LinkedIn, Google+, GitHub, and More, 3rd Ed., O'Reilly Media

Boone, L.E. & Kurtz, D.L. (2018). Contemporary Marketing. 18th Ed. Cengage Learning Asia Pte. Ltd.